



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA



KRAFTANGAN
MALAYSIA

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my | KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL KRAF PERAK 2023 TINGKAT EKONOMI SETEMPAT

PERAK, 27 OGOS 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan Festival Kraf Perak 2023 bermula pada 25 Ogos hingga 3 September 2023 bertempat di Dataran Menara Condong Teluk Intan, Perak dari pukul 10.00 pagi sehingga 10.00 malam. Pada hari ini, YBrs. Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC telah meluangkan masa hadir ke sesi *walkabout* bersama usahawan kraf. Turut sama mengiringi, YBrs. Puan `Ainu Sham binti Haji Ramli, Ketua Pengarah, Kraftangan Malaysia dan Encik Mohamad Rizan bin Mohamad Nordin Pengarah Kraftangan Malaysia Cawangan Perak.

Festival Kraf Perak 2023 adalah merupakan penganjuran kali yang ke-7 sejak mula dilaksanakan pada tahun 2014. Ia bertujuan untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf tempatan kepada penduduk setempat dan pelancong serta meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap kraf Malaysia. Bertemakan '**Ini Kraf Malaysia**', Festival Kraf Perak 2023 menampilkan kepelbagaian produk kraf Malaysia yang terdapat di semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dengan usaha membudayakan seni kraf dalam kehidupan masyarakat seharian.

Dalam sesi *walkabout* tersebut, Yang Berusaha Encik Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC menyampaikan sijil penghargaan Program Pengembangan Ilmu Cakna Kraf kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Kangsar. Turut disampaikan sijil penghargaan dan Kit Cakna Kraf bagi aktiviti mewarna batik, anyaman bakul rotan dan membentuk pasu hiasan seramik kepada 7 buah sekolah iaitu SK Setia Jaya, SK Raja Perempuan Muzwin, SK Sultan Idris II, SMK Raja Muda Musa, SMK Sultan Tajul Ariffin, SMK Simpang Beluru dan SMK Raja Perempuan Kalsom yang melibatkan sebanyak 1,050 penyertaan. Seramai 20 orang peserta daripada Kolej Komuniti Manjung turut menerima sijil penyertaan bagi aktiviti Ekspresi Kraf Asas Tekatan Benang Emas.

Penganjuran Festival Kraf Perak 2023 selama 10 hari ini melibatkan seramai 51 orang usahawan kraf dengan sasaran nilai jualan RM1.0 juta dan 75,000 orang kehadiran pengunjung. Turut diadakan pameran korporat daripada Jabatan/Agensi serta operator pelancongan Perak.

Festival Kraf Perak 2023 menyediakan pelbagai aktiviti menarik iaitu:

- Jualan Produk Kraf
- Pameran Produk Kraf
- Demonstrasi Kraf
- Interaktif Kraf
- Ekspresi Kraf
 - Inspirasi Jalinan: Tekatan Benang Emas
 - Santai Bersama Adiguru Kraf Seramik
- Pertandingan Kukur Nyior
- Pertandingan Tarik Tali Batik Sarung
- Pertandingan Gubahan Batik Sarung Malaysia
- Pertandingan Silat Cilik
- Pertandingan Gendang Madani
- Ceramah Agama 'Erti Merdeka' – Ustaz PU Yeob
- Pertandingan Meneka Berat Pasu Nenas
- Pertandingan Fotografi Kraf

- Pertandingan FKP TikTok *Challenge*
- Persembahan Buskers
- Zumba Batik Malaysia
- Permainan Sukan Rakyat
- Jualan Makanan Tradisional

MOTAC dan Kraftangan Malaysia akan terus memperkasa usahawan kraf di negeri Perak dan menyeru agar usahawan kraf terus menghasilkan produk-produk kraf berkualiti untuk ditawarkan kepada pelancong dalam dan luar negara dalam persediaan Tahun Melawat Perak 2024. - **TAMAT** -